

Headline **Fabtronic jadi perintis**
Date **22 Jul 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **none**
Frequency **Daily**
ADValue **977**

Language **Malay**
Page No **21**
Article Size **75 cm²**
Color **Black/white**
PRValue **2,932**



Fabtronic jadi perintis

KUALA LUMPUR 21 Julai – Fabtronic Sdn. Bhd. memulakan langkah baru dalam perniagaan dengan menjadi perintis kepada projek mengkomersialkan teknologi perkakasan internet bersama-sama MIMOS.

Pengerusinya Datuk Siti Balkish Shariff berkata, perkongsian ini merupakan kunci kepada pertumbuhan syarikat dalam menuju ke tahap yang lebih tinggi.

“Kami yakin dapat mengkomersialkan teknologi tersebut untuk pasaran tempatan dan antarabangsa,” katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam satu kenyataan sempena majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Lesen Teknologi antara Fabtronic dan MIMOS bagi teknologi *JEN-ii* dan *iDola*.

JEN-ii merupakan peralatan mengakses internet yang menggunakan Platform Penyampaian Informasi kerajaan manakala *iDola* pula merupakan komputer tablet seberat 900 gram.